



# Marhaban ya Ramadan



INFOGRAFIK HUKUM DAN FATWA

PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN





# Marhaban ya Ramadan



INFOGRAFIK HUKUM DAN FATWA

PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

## **MARHABAN YA RAMADAN INFOGRAFIK HUKUM DAN FATWA**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan foto dalam apa jua bentuk sekalipun sama ada fotokopi, mekanik, rakaman, cetakan elektronik atau cara-cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada pihak Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Cetakan pertama : 2022

Penyusun, Reka letak dan Rekabentuk Grafik:  
Muhammad Multazam bin Mohd Yazid,  
Anas bin Ahmad Shukri.

Diterbitkan oleh:  
**Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan,**  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya,  
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3,  
62100 Putrajaya, Malaysia.

## Isi Kandungan

Prakata	1
Ahlan wa sahan ya Ramadan	3
Penentuan awal Ramadan mengikut cerapan <i>hila</i> Malaysia	4
Hukum berpuasa di negara yang siangya panjang	5
Perlukah memperbaharui niat puasa setiap malam?	7
Adakah bersahur dikira berniat puasa?	8
Apakah yang dimaksudkan keberkatan pada sahur?	9
Hukum tidak bersahur	10
Hukum tersalah waktu bersahur	11
Adakah bermulanya puasa setelah masuk waktu imsak?	12
Hukum mandi wajib selepas subuh di bulan Ramadan	13
Perkara-perkara yang membatalkan puasa	15
Adakah penggunaan ubat titis mata membatalkan puasa?	16
Bolehkah memakai ear plug ketika berpuasa?	17
Adakah menelan air liur membatalkan puasa?	18
Hukum berbekam dan menderma darah ketika berpuasa	19
Hukum berenang dan menyelam ketika berpuasa	20
Hukum bermesraan bersama pasangan di bulan ramadan	21
Hukum keluar air mani ketika tidur semasa berpuasa	22
Muntah ketika berpuasa setelah makan ubat buang angin	23
Hukum penggunaan gincu dan pelembab bibir ketika berpuasa	24
Hukum mengambil suntikan ketika berpuasa	25
Adakah pengsan kerana dibius membatalkan puasa?	26
Adakah sama fadilat mendengar dan membaca al-Quran?	29
Hukum membaca al-Quran tanpa menutup aurat	30
Hukum membaca al-Quran menghadap kiblat	31
Hukum memakan makanan yang dijual oleh pelaku maksiat	33
Hadiah makanan daripada rakan bukan islam	34
Fadilat memakan tujuh biji kurma Ajwah Madinah	35

Cara-cara membaca doa berbuka puasa	36
Adakah membaca basmalah tanpa 'al-rahman al-rahim' sebelum makan sudah memadai?	37
Hukum meniup makanan dan minuman panas	38
Hikmah berbuka puasa dengan ruthob	39
Makan makanan berat atau solat maghrib dahulu?	40
Hukum tersalah berbuka puasa awal kerana azan di radio	41
Berbuka puasa dengan merokok	42
Bagaimana menentukan waktu berbuka ketika musafir?	43
Hukum menjemput non-muslim berbuka puasa	44
Hukum menjilat jari selepas makan	45
Ganjaran pahala memberi makan kepada orang berbuka	46
Benarkah syaitan dibelunggu dalam bulan Ramadan?	49
Hukum meninggalkan puasa Ramadan dengan sengaja	50
Penghantaran makanan kepada orang yang tidak berpuasa	51
Hukum tidak berpuasa semasa bermusafir	52
Hukum melakukan kerja berat di bulan Ramadan	53
Hukum berbuka puasa bagi orang yang diberi keuzuran	54
Hukum memilih masjid untuk bersolat tarawih	57
Pahala solat berjemaah selain di masjid	58
Hukum solat tarawih secara bersendirian	59
Bolehkah solat tarawih sambil memegang dan melihat mashaf?	60
Kadar panjang bacaan imam solat berjemaah	61
Bolehkah bertaranum ketika solat?	62
Hukum solat tarawih 4 rakaat dengan 1 salam	63
Bolehkah solat witir didahului satu rakaat kemudian diakhiri dua rakaat?	64
Bolehkah dilakukan witir satu rakaat sahaja?	65
Memburu pahala ibadah pada Lailatul Qadr	66
Bolehkah makmum membaca al-Fatihah ketika imam sedang membacanya?	67
Tidak dapat membaca al-Fatihah dengan baik dalam solat	68
Hukum memakai pakaian bercorak haiwan ketika solat	69

Hukum solat bagi wanita yang <i>berstoking</i> terlalu nipis	70
Penggunaan <i>hand sanitizer</i> ketika melakukan solat	71
Hukum solat dalam keadaan menahan diri daripada kencing dan membuang air besar	72
Hukum solat memakai singlet tanpa lengan	73
Hukum sendawa di dalam solat	74
Perluakah mengikut imam sujud sahwī?	75
Adakah hidung termasuk dalam anggota sujud?	76
Solat dalam keadaan mengantuk	77
Hukum zakat fitrah bagi anak yang hilang	79
Bolehkah membayar zakat fitrah secara dalam talian?	80
Hukum zakat fitrah bagi pelajar perempuan di luar negara	81
Adakah bayi dalam kandungan dikenakan zakat fitrah?	82
Bolehkah amil mengambil duit lebihan zakat?	83
Hukum memberikan duit raya	85
Adakah hari raya sebulan itu dibolehkan?	86
Adab menziarahi rumah orang lain	87
Hukum menziarahi kubur pada hari raya	88
Hukum solat jumaat jika hari raya jatuh pada hari jumaat	89
Hukum bermain mercun	90
Cara menegur saudara-mara berkenaan aurat	91
Adakah puasa 6 hari di bulan syawal perlu dilakukan berturutan?	92
Lafaz niat puasa ganti	95
Hukum puasa qada pada hari syak	96
Bolehkah membatalkan puasa ganti ramadan?	97
Puasa dan fidyah si mati yang telah melangkau tahun	98
Adakah perlu ganti puasa kerana was-was?	99
Perluakah isteri mendapat keizinan suami untuk qada puasa?	100

## **Prakata Mufti**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, Tuhan pentadbir seluruh alam semesta. Selawat dan salam buat junjungan besar kekasih Allah, Nabi SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta sekalian, pengikut-pengikut Baginda sepanjang zaman.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT atas rahmat dan inayah-Nya diberi kesempatan menerbitkan buku Infografik Khas Ramadan pada tahun ini. Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pegawai dan warga Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan yang telah menyumbang tenaga, masa dan idea dalam menerbitkan buku ini.

Penerbitan buku ini memfokuskan kepada persoalan dan penjelasan hukum-hakam berkaitan Ramadan yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Buku ini diterbitkan melalui kaedah infografik yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat secara ringkas tetapi jelas serta memberi kefahaman yang mudah dan kompleks kepada pembaca.

Akhir kalam, diharapkan agar buku ini dapat menjadi wadah penyebaran ilmu dan maklumat yang berharga dan bermanfaat buat seluruh generasi di Wilayah Persekutuan khususnya serta semua pembaca umumnya. Semoga usaha kecil ini mendapat limpahan rahmat dan barakah daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.



# Ahlan wa Sahlan Ya Ramadan

“Terima kasih Allah,  
Kau pertemukan aku lagi dengan Ramadan”

# Ahlan wa sahlan ya Ramadan

## DOA AMALAN

اللَّهُمَّ سَلِّمْ لِي رَمَضَانَ، وَسَلِّمْ رَمَضَانَ لِي، وَتَسَلِّمْهُ مِنِّي مُتَقَبَلًا

*“Ya Allah, sejahterakanlah aku sehingga datangnya Ramadan, sejahterakanlah Ramadan bagiku dan terimalah ibadahnya pada bulan itu.”*

## CARA-CARA MENYAMBUT RAMADAN

- Meningkatkan kefahaman mengenai hukum-hakam ibadah puasa.
- Memperbaiki dan mengikhhlaskan niat hanya kerana Allah SWT.
- Memperbanyakkan doa memohon keampunan daripada Allah SWT.
- Memperbanyakkan membaca al-Quran.
- Memperbanyakkan sedekah dan memberi makan kepada orang yang berpuasa.
- Menghidupkan malam hari di bulan Ramadan dengan beribadah kepada Allah SWT seperti solat tarawih berjemaah.



# Penentual awal Ramadan mengikut cerapan *hilal* Malaysia

- **Wajib mengikut hasil cerapan *hilal* (anak bulan) di negara kita bagi menentukan masuknya bulan Ramadan dan Syawal kerana terdapat perbezaan *matla'* yang boleh menyebabkan perbezaan hasil cerapan *hilal*.**
- ***Matla'* bermaksud kawasan yang berada pada jangka masa waktu terbit dan terbenamnya matahari serta bulan yang hampir sama.**
- ***Matla'* negara Malaysia adalah berbeza dengan *matla'* Arab Saudi kerana kedudukan kedua-dua negara ini adalah berbeza.**



# Hukum berpuasa di negara yang sianginya panjang

- Situasi ini disebut sebagai "*ikhtilal al-'alamah*" iaitu cacatnya alamat. Ini kerana panjang sianginya melebihi kebiasaan di sebahagian negara. Dalam keadaan ini boleh diqiyaskan waktu berbuka kepada mana-mana dua kawasan dibawah:
  - Kota suci Makkah.
  - Negara terdekat yang siang dan malamnya mempunyai tempoh waktu yang sama.
- Kaedah di atas juga diguna pakai ke atas orang yang berpuasa di kutub utara dan kutub selatan yang siang dan malamnya panjang sehingga berminggu-minggu atau berbulan-bulan.

ALLAHLI AKBAR.  
ALLAHLI AKBAR.

Bangun  
'sahur'  
'sahur''sahur'

"Sahaja aku berpuasa"

# Perluakah memperbaharui niat puasa setiap malam?

Niat puasa harian

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ أَنْ أَدَاءِ فَرَضِ رَمَضَانَ هَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى

*“Sahaja aku berpuasa esok hari pada bulan Ramadan tahun ini kerana Allah SWT”*

Niat puasa sebulan

نَوَيْتُ صَوْمَ شَهْرِ رَمَضَانَ كُلِّهِ لِلَّهِ تَعَالَى

*“Sahaja aku berpuasa keseluruhan pada bulan Ramadan kerana Allah SWT”*

- Sebahagian ulama membolehkan niat puasa sebulan pada malam pertama Ramadan sebagai langkah berjaga-jaga andai terlupa. Namun, dalam masa yang sama tetap wajib berniat puasa pada setiap malam Ramadan.
- Sekiranya sudah berniat puasa sebulan dan terlupa niat puasa harian, maka puasanya masih dikira sah.

ESOK DAH  
MULA PUASA.  
MALAM NI  
ADIK JANGAN  
LUPA NIAT  
PUASA YA.

OK ABI.



# Adakah bersahur dikira berniat puasa?

Hafsah R.Anha meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
“*Barangsiapa yang tidak berniat (pada malam hari) sebelum terbit fajar, maka tiada puasa baginya (pada hari tersebut).*”

*Riwayat Abu Daud*

- Seseorang yang hendak berpuasa wajib terutamanya di bulan Ramadan, hendaklah berniat puasa pada waktu malam dengan menghadirkan niat tersebut di dalam hati.
- Orang yang bersahur dengan tujuan untuk berpuasa, bukan kerana sarapan pagi atau tujuan lain, sudah dikira sebagai niat, kerana terdetik pada fikirannya untuk berpuasa bersama dengan perbuatan yang mendorong untuk berpuasa iaitu bersahur.

ADIK  
JANGAN LUPA  
NIAT PUASA YA!

BAIK IBU



# Apakah yang dimaksudkan keberkatan pada sahur?

Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*“Bersahurlah kerana di dalam sahur itu adalah berkat”*

Riwayat Al-Bukhari

## KEBERKATAN SYAR'IYYAH

- Keberkatan dalam mengikut sunah Rasulullah SAW dengan mendapat ganjaran pahala serta penyebab kepada berzikir, berdoa dan beristighfar pada waktu sahur yang merupakan waktu mustajab untuk berdoa.

SAHUUUUUUUR.  
SAHUUUUUUUR.

## KEBERKATAN BADANIYAH

- Keberkatan apabila dengan bersahur, ia dapat memberikan tenaga kepada badan dan menguatkan semangat untuk berpuasa di samping dapat menahan diri daripada melakukan perbuatan yang tidak baik.





# Hukum tidak bersahur

Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
“*Bersahurlah kerana di dalam sahur itu ada berkat*”

*Riwayat Al-Bukhari*

- Puasa orang yang tidak bersahur adalah sah dan tidak perlu diganti.
- Bersahur menyebabkan kita memperoleh keberkatan daripada Allah SWT.
- Amalan bersahur adalah sunnah yang amat dituntut dan antara amalan yang tidak pernah ditinggalkan oleh Nabi SAW. Bersahur juga merupakan pemisah yang membezakan antara puasa kita dengan puasa yang dilakukan oleh penganut agama-agama lain.



# Hukum tersalah waktu bersahur

- Tidak batal puasa bagi seseorang yang makan dan minum dalam keadaan dia ragu-ragu bahawa telah tamat waktu sahur. Ini berdasarkan kaedah fiqh menyebutkan bahawa asal hukum adalah berkekalan waktu sebelumnya iaitu waktu malam.
- Namun sekiranya selepas itu dia yakin bahawa dia telah tersalah makan selepas tamatnya waktu sahur, maka puasanya batal dan hendaklah dia menggantikannya pada hari yang lain.



# Adakah bermulanya puasa setelah masuk waktu imsak?

Allah SWT berfirman:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ۖ

Maksudnya : “Dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam kegelapan malam, iaitu waktu fajar.”

Surah al-Baqarah (187)

- Waktu imsak ialah 10 minit sebelum masuk waktu subuh dan bukanlah waktu bermulanya puasa. Oleh itu, pada tempoh tersebut masih dibolehkan lagi makan dan minum.
- Waktu imsak itu adalah sebagai waktu untuk *ihtiyat* (berjaga-jaga) agar tidak makan melebihi waktu yang telah ditetapkan kerana ia boleh membatalkan puasa.
- Namun, disarankan supaya sahur diselesaikan sebelum masuknya waktu iaitu sebelum azan agar tidak timbul syubhah (keraguan).



# Hukum mandi wajib selepas subuh di bulan Ramadan

Aisyah R.Anha meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Sesungguhnya Nabi SAW pernah bangun pagi dalam keadaan berjunub kerana jimak (pada malamnya), lalu Baginda mandi wajib dan meneruskan puasa.”*

*Muttafaqun 'Alaih*

- Hukum puasa orang yang lewat-lewatkan mandi wajib sehingga terbitnya fajar adalah sah dan tidak perlu diganti.
- Namun, sunat menyegerakan mandi wajib tersebut sebelum terbitnya fajar.



Dah  
tak boleh  
makan dah!

"Jangan yang yok ya semua"

# Perkara-perkara yang membatalkan puasa

- Puasa seseorang akan terbatal apabila dia melakukan perkara yang membatalkan puasa dengan sengaja.
- Namun jika dilakukan tanpa sengaja, terlupa dan dipaksa, maka puasanya tidak terbatal.

## 8 PERKARA YANG MEMBATALKAN PUASA

- Makan atau minum sama ada sedikit atau banyak.
- Memasukkan sesuatu ke dalam rongga badan yang terbuka iaitu mulut, hidung, telinga, dubur dan qubul.
- Muntah dengan sengaja.
- Bersetubuh walaupun tidak mengeluarkan air mani.
- Keluar darah haid dan nifas.
- Mengeluarkan air mani dengan sengaja.
- Pengsan dan mabuk sepanjang malam.
- Gila dan Murtad.


TAK BOLEH SYG.  
ABAH PUASA.

ABAH MAKAN  
LA JUGAK.



# Adakah penggunaan ubat titis mata membatalkan puasa?

- Berdasarkan pendapat Imam Syafii, memasukkan ubat titis ke dalam mata adalah tidak membatalkan puasa, walaupun dapat dirasa kesan ubat itu sehingga ke rongga dalam. Hal ini kerana mata tidak termasuk di dalam kategori ruang yang sedia terbuka.
- Puasa akan terbatal sekiranya sesuatu dimasukkan melalui ruang yang sedia terbuka seperti mulut, telinga, qubul dan dubur sehingga ke dalam rongga secara sengaja.



# Bolehkah memakai *ear plug* ketika berpuasa?

- Imam al-Nawawi menyebutkan jika ditiadakan sesuatu ke dalam telinga, lalu ia sampai ke bahagian dalaman telinga (melebihi gegendang telinga), maka ia membatalkan puasa menurut pendapat yang sah dan kebanyakan ulama.
- Antara perkara yang membatalkan puasa ialah memasukkan sesuatu melalui rongga terbuka hingga sampai ke bahagian rongga yang dalam secara sengaja.
- Hukum memakai *ear plug* tidak membatalkan puasa selagi mana ia tidak melebihi gegendang telinga.





# Adakah menelan air liur membatalkan puasa ?

- Menelan air liur yang terdapat di dalam mulut adalah termasuk di dalam *umum al-balwa* iaitu perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu, pada asasnya perbuatan ini tidak membatalkan puasa sekiranya air liur tersebut tidak bercampur dengan bahan yang lain.
- Namun, perbuatan mengumpulkan air liur dengan sengaja di dalam mulut lalu menelannya ketika berpuasa adalah makruh.
- Manakala, hukum menelan air liur yang telah keluar dari mulut kemudian dimasukkan semula ke dalam mulut menggunakan lidah atau selainnya adalah membatalkan puasa.



# Hukum berbekam dan menderma darah ketika berpuasa

Ibn 'Abbas R.Anhuma meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
"Rasulullah SAW telah berbekam dan Baginda sedang berpuasa"



Riwayat Al-Bukhari

- Jumhur ulama mengatakan bahawa berbekam ketika berpuasa adalah harus dan tidak membatalkan puasa. Aktiviti menderma darah juga diqiyaskan dengan hukum berbekam dan tidak membatalkan puasa.
- Namun, makruh berbekam sekiranya perbuatan tersebut akan melemahkan tubuh badan.
- Hukum ini juga terpakai ke atas perbuatan mengambil ujian darah.



# Hukum berenang dan menyelam ketika berpuasa

- Sekiranya kebiasaan aktiviti berenang atau menyelam akan menyebabkan air memasuki rongga tengah mahupun rongga-rongga yang terbuka, maka hukumnya **haram**.
- Sekiranya kebiasaan aktiviti berenang atau menyelam tidak akan menyebabkan air memasuki rongga tengah mahupun rongga-rongga yang terbuka, maka hukumnya **makruh**.
- Seseorang yang berpuasa harus melakukan aktiviti berenang atau menyelam sekiranya ia dilakukan atas sebab darurat seperti nelayan. Namun, perlu berwaspada supaya air tidak memasuki rongga tengah mahupun rongga-rongga yang terbuka.




# Hukum bermesraan bersama pasangan di bulan Ramadan

Saidina Umar Ibn al-Khattab RA meriwayatkan bahawa beliau berkata:

*“Wahai Rasulullah, hari ini aku telah lakukan sesuatu yang berat. Aku telah mencium dalam keadaan aku berpuasa. Maka Rasulullah SAW menjawab: Apa pendapat kamu sekiranya kamu berkumur-kumur dalam keadaan kamu sedang berpuasa?”*

*Riwayat Abu Daud*

- Hukum bermesraan bersama pasangan di siang hari pada bulan Ramadan adalah makruh bagi sesiapa yang kuat syahwatnya (teransang). Manakala tidak makruh bagi yang mampu mengawal nafsunya.
- Sekiranya seseorang itu bermesra-mesraan dengan isterinya lalu terkeluar air maninya maka puasanya batal.
- Meninggalkan perbuatan ini adalah yang terbaik bagi mengelakkan daripada terbatalnya puasa.



# Hukum keluar air mani ketika tidur semasa berpuasa

Abi Saïd al-Khudri RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Tidak berbuka (batal puasa) sesiapa yang muntah, tidak juga sesiapa yang bermimpi dan tidak juga sesiapa yang berbekam”*

*Riwayat Abu Daud*

- Hukum keluar air mani ketika tidur adalah tidak membatalkan puasa dengan syarat air mani itu keluar dengan sendirinya bukannya atas sebab bermesraan.



# Muntah ketika berpuasa setelah makan ubat buang angin

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Sesiapa yang muntah dengan tidak sengaja, maka tiada qada baginya; dan barangsiapa yang muntah dengan sengaja, maka ia harus menggantikan (puasanya)”*

*Riwayat Abu Daud*

- Muntah yang dipaksa oleh tubuh adalah dikira muntah yang tidak disengajakan dan tidak membatalkan puasa. Oleh itu, muntah setelah makan ubat angin sebelum waktu subuh tidak membatalkan puasa. Hal ini kerana ubat tersebut bukan diambil untuk tujuan muntah.
- Namun, perlu dipastikan supaya muntah tersebut tidak masuk kembali ke dalam perut yang boleh membatalkan puasa sekiranya ditelan dengan sengaja.



# Hukum penggunaan gincu dan pelembab bibir ketika berpuasa

- Hukum memakai gincu atau pelembab bibir di siang hari pada bulan Ramadan adalah makruh dan tidak membatalkan puasa. Namun, sekiranya ditelan rasa yang terdapat pada gincu atau pelembab bibir tersebut ke dalam rongga, maka ia akan membatalkan puasa.
- Perbuatan memakai gincu untuk diperlihatkan kepada orang lain dalam keadaan berlebih-lebihan (*tabarruj*) adalah amat tidak digalakkan dalam Islam kecuali berhias diri untuk diperlihatkan kepada suami.

TENGOK SINI.  
CANTIK TAK,  
CANTIK TAK?

MESTI LA  
CANTIK,  
TAKKAN TAK  
CANTIK

MEOW<sup>2</sup>



# Hukum mengambil suntikan ketika berpuasa

## Jenis-jenis suntikan:

- **Intramuscular** : Suntikan ke dalam otot seperti vaksin.
- Intravena** : Suntikan melalui salur darah.
- intradermal** : Suntikan melalui lapisan kulit atas.
- subcutaneous** : Suntikan pada kawasan dalam kulit di atas otot.

Hukum mengambil suntikan yang mengandungi nutrisi atau pemakanan adalah membatalkan puasa. Namun, jika sebaliknya maka dilihat pada aspek berikut:

- Sekiranya suntikan pada urat ke bahagian dalam rongga (saluran urat darah) maka batal puasanya.
- Sekiranya suntikan pada otot (urat bukan pada bahagian dalam rongga) maka tidak batal puasanya.





# Adakah pengsan kerana dibius membatalkan puasa?

## 1. Dibius dan pengsan keseluruhan hari puasa:

- Tidak sah puasa bagi mereka yang dibius kemudian pengsan dari terbit fajar hingga tenggelamnya matahari dan tidak sedar dalam waktu tersebut. Maka wajib digantikan puasa tersebut.

## 2. Dibius dan pengsan separuh hari puasa:

- Sah puasa bagi mereka yang dibius kemudian pengsan hanya separuh hari waktu berpuasa.



“

Setiap amalan yang dilakukan anak Adam akan dilipatgandakan, tindakan yang baik akan dilipatgandakan pahalanya hingga 700 kali lipat. Allah SWT berfirman: Dengan syarat berpuasa yang dilakukan karena Aku (Allah) maka Aku akan memberinya pahala. Karena mereka meninggalkan keinginannya demi Aku.” (Riwayat Muslim)



Banyak-  
banyakkanlah  
beramal!

"Sudah-sudah ler membawang"

# Adakah sama fadilat mendengar dan membaca al-Quran?

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Barangsiapa yang membaca satu huruf dari kitabullah (al-Quran), maka untuknya satu kebaikan, sedang satu kebaikan itu akan dibalas dengan sepuluh kali ganda seperti itu. Aku tidak mengatakan bahwa ‘alif lam mim’ itu satu huruf, tetapi ‘alif’ adalah satu huruf, ‘lam’ satu huruf dan ‘mim’ juga satu huruf.”*

*Riwayat Tirmidzi*

- Orang yang mendengar al-Quran akan mendapat pahala jika disertai dengan adab dan menghayati bacaan al-Quran tersebut. Namun pahala orang yang mendengar al-Quran tidak sama dengan orang yang membacanya.
- Orang yang membaca al-Quran akan mendapat pahala yang lebih besar sebagaimana yang telah dinyatakan dalam hadis di atas.



# Hukum membaca al-Quran tanpa menutup aurat

Allah SWT berfirman:

وَمَنْ يُعْظَمِ شَعْبَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٣٢﴾

Maksudnya : *“Sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah. Maka (dialah orang yang bertakwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan daripada sifat-sifat takwa hati orang mukmin.”*

Surah al-Hajj (32)

- Bacaan al-Quran dalam keadaan dan cara yang paling baik merupakan salah satu cara kita mengagungkan syiar agama Allah SWT dan itu merupakan bukti ketaqwaan kita kepada-Nya.
- Hukum membaca al-Quran tanpa menutup aurat ialah harus, namun atas dasar adab dengan al-Quran seharusnya kita membacanya dalam keadaan menutup aurat sebagaimana yang ditegaskan dan diamalkan oleh salafussoleh dan para ulama. Ia juga bagi mengelakkan terdapat unsur penghinaan kepada al-Quran.



# Hukum membaca al-Quran menghadap kiblat

- Ketika mengulas berkenaan adab-adab semasa membaca al-Quran, Imam al-Nawawi menyebutkan bahawa digalakkan bagi pembaca al-Quran di luar solat untuk menghadap kiblat.
- Para fuqaha' telah memutuskan bahawa arah kiblat ialah semulia-mulia arah. Justeru disunatkan menghadap kiblat ketika membaca al-Quran.



Nak berbuka  
dengan apa  
harini ni!

"Ya Allah! untuk-Mu aku berpuasa"

# Hukum memakan makanan yang dijual oleh pelaku maksiat

MAI BELI,  
MAI BELI,  
SATE, SATE, SATE.

- Perbuatan membeli dan memakan juadah yang disediakan oleh orang fasik atau pelaku maksiat adalah dibolehkan selagi mana makanan tersebut halal lagi *toyyib* (baik) daripada aspek penyediaan, kebersihan dan juga tempat jualan.
- Namun, sekiranya seseorang itu ingin menjaga keperibadian dirinya, itu adalah pilihan yang baik untuk dirinya.





# Hadiah makanan daripada rakan bukan Islam

- Dibenarkan makan makanan yang dihadiahkan oleh rakan atau jiran yang bukan beragama Islam, selagi mana makanan yang diberi itu ialah makanan yang halal.
- Namun, ini tidaklah menafikan keutamaan sifat warak dalam mengambil suatu makanan.



# Fadilat memakan tujuh biji kurma Ajwah Madinah

Saad bin Abi Waqqas RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
“Sesiapa yang memakan tujuh biji kurma Ajwah pada waktu pagi, tidak akan memberi mudarat sebarang racun mahupun sihir kepadanya pada hari tersebut.”

*Riwayat al-Bukhari*

- Berdasarkan hadis di atas, kurma yang mempunyai kelebihan bagi menghindari racun dan sihir, adalah **khusus buat kurma Ajwah Madinah**.
- Walau bagaimanapun, janganlah kita meninggalkan fadilat dan kebaikan dalam mengamalkannya sekalipun bukan dengan kurma Ajwah Madinah.



# Cara-cara membaca doa berbuka puasa

## DOA SEBELUM BERBUKA

- Membaca apa jua doa yang berkaitan dengan kelebihan dunia dan akhirat samada untuk diri sendiri, kaum keluarga, sahabat handai dan untuk seluruh kaum Muslimin.

## DOA SEJURUS SELEPAS BERBUKA

- Membaca doa yang warid daripada Nabi SAW iaitu:

اللَّهُمَّ لَكَ صُئِمْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ

*“ Ya Allah! untuk-Mu aku berpuasa dan dengan rezeki dari-Mu aku berbuka”*

*Sunan Abi Dawud*

- Doa ini dibaca sejurus selepas berbuka, bukan sebelumnya.



# Adakah membaca basmalah tanpa 'al-rahman al-rahim' sebelum makan sudah memadai?

Umar bin Abi Salama RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
"Bacalah Bismillah, makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah makanan yang paling hampir denganmu."

Rwayat al-Bukhari

- Sebaik-baik lafaz basmalah (afdal) adalah apabila seseorang menyebut :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Akan tetapi sekiranya dia hanya menyebut :

بِسْمِ اللَّهِ

sahaja sudah memadai baginya serta turut mendapat fadilat dan kelebihan basmalah tersebut.

BACA  
BISMILLAH  
DULU YEOP!  
TAK NYABOR  
MIKE NYER

JANGAN LER  
MAGHOH!  
TEMAN LUPE



# Hukum meniup makanan dan minuman panas

- Tidak meniup makanan dan minuman panas adalah termasuk dalam kategori adab.
- Hukum asal menghembus atau bernafas di dalam bekas makanan dan minuman adalah harus. Namun, ia menjadi makruh dalam keadaan berikut:
  - Sekiranya dibimbangi air liur dan nafas akan mengotori makanan dan minuman.
  - Perbuatan tersebut menimbulkan rasa tidak senang orang yang berkongsi bekas dengannya.
  - Menampakkan sikap gelojoh dengan meniup makanan dan minuman supaya cepat sejuk.



# Hikmah berbuka puasa dengan ruthob

Anas ibn Malik RA meriwayatkan bahawa:

*“Rasulullah SAW biasa berbuka puasa sebelum sembahyang maghrib dengan ruthob (kurma basah), jika tidak ada ruthob, maka Baginda berbuka dengan tamar (kurma kering), dan jika tidak ada tamar, Baginda meminum seteguk air”*

*Rwayat Abu Daud*

- Berbuka puasa dengan memakan ruthob atau kurma adalah salah satu sunah Nabi SAW.
- Kajian saintifik pula membuktikan bahawa sebahagian besar kandungan kurma adalah gula yang dapat memberi tenaga dalam tubuh manusia di samping membantu mencegah keletihan setelah seharian berpuasa.

YA ALLAH,  
HIDUPKAN AKU  
DALAM SUNNAH NABI-MU.  
DAN MATIKAN AKU  
DALAM SYARIATNYA.  
DAN SELAMATKAN DAKU  
DARI TIPU DAYA  
YANG MENYESATKAN



# Makan makanan berat atau solat maghrib dahulu ?

Ibn Umar R.Anhuma meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*“Apabila salah seorang kamu berada di hadapan hidangan makanan maka janganlah dia bersegera sehinggalah dia selesai makan makanan tersebut, meskipun solat telah didirikan.”*

*Riwayat Al-Bukhari*


- Sekiranya juadah berbuka puasa telah dihidangkan, hendaklah berbuka terlebih dahulu kemudiannya mendirikan solat maghrib agar jiwa lebih tenang ketika solat.
- Namun begitu, mengambil kira suasana di masjid-masjid pada hari ini yang berbuka puasa dengan juadah ringan terlebih dahulu, ia tidak bercanggah dengan syariat bahkan lebih afdal. Ini kerana menyegerakan berbuka puasa adalah sunah di samping dapat menunaikan solat di awal waktu secara berjemaah.

ALHAMDULILLAH  
REZEKI BERBUKA  
HARI INI



# Hukum tersalah berbuka puasa awal kerana azan di radio

- Sekiranya seseorang berbuka kerana menyangka matahari telah terbenam, namun ia masih belum terbenam, maka puasanya terbatal dan perlu digantikan.
- Para ulama sepakat bahawa waktu berbuka apabila telah dipastikan matahari terbenam, sama ada dengan cara melihatnya atau dengan khabar daripada dua orang yang adil.
- Sewajarnya kita perlu lebih berhati-hati dan tidak terburu-buru berbuka puasa sebelum disahkan masuknya waktu maghrib.





# Berbuka puasa dengan merokok

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda  
*“Sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan keji (dusta) serta mengamalkannya, maka Allah tidak berhajat kepada perbuatan seseorang meninggalkan makan dan minumannya (puasa).”*

*Riwayat al-Bukhari*

- Merokok termasuk dalam perkara yang membatalkan puasa. Oleh itu, orang yang merokok pada waktu berbuka telah dikira berbuka puasa.
- Namun begitu, perbuatan merokok adalah haram di dalam Islam. Justeru, amat penting bagi orang yang berpuasa untuk memelihara diri daripada perkara-perkara yang membatalkan pahala puasa.
- Puasa orang yang tidak menjaga lisannya daripada berbohong ketika berpuasa adalah sia-sia. Apatah lagi perbuatan berbuka puasa dengan dengan perkara haram, maka ganjaran pahala bagi puasanya adalah sia-sia.



# Bagaimana menentukan waktu berbuka ketika musafir?

Hafsah R.Anha meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*“Jika malam menjelang daripada sini (arah timur) dan siang pergi daripada sini (arah barat), dan matahari terbenam, maka telah masuk waktu berbuka bagi orang yang berpuasa.”*

*Riwayat al-Bukhari*

- Waktu berbuka puasa bagi orang yang bermusafir adalah berdasarkan tempat semasa dia berada, bukan berdasarkan waktu negara asal atau negara yang dituju.
- Waktu berbuka puasa di atas kapal terbang ditentukan dengan terbenamnya matahari secara keseluruhan. Hal ini dapat diketahui melalui penglihatan mata kasar atau pengumuman semasa daripada anak kapal.

BISMILLAH



# Hukum menjemput *non muslim* berbuka puasa

- Hukum menjemput non-Muslim berbuka puasa adalah harus. Dalam masa yang sama, adab-adab dalam majlis berbuka puasa tersebut.
- Di samping itu, lokasi berbuka puasa yang dipilih dan pakaian yang dikenakan haruslah bersesuaian. Elakkan provokasi dan jauhi agenda yang tidak baik.



# Hukum menjilat jari selepas makan

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*"Apabila salah seorang daripada kamu makan, maka hendaklah dia menjilat jari-jarinya kerana sesungguhnya dia tidak tahu bahagian makanan yang manakah mempunyai keberkatan."*

*Riwayat al-Bukhari*

- Hukum menjilat jari selepas daripada makan adalah sunah berdasarkan hadis di atas.
- Cara menjilat jari yang dianjurkan adalah bermula dengan jari tengah, kemudian jari telunjuk dan seterusnya ibu jari.

ALHAMDULILLAH.  
KENYANG AMAT



# Ganjaran pahala memberi makan kepada orang berbuka

Zaid bin Khalid al-Juhani RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Sesiapa yang memberi makan kepada orang yang berpuasa dia akan mendapat pahala yang sama dengan orang yang berpuasa dalam keadaan pahala orang tersebut tidak berkurangan sedikit pun.”*

*Riwayat Al-Tirmizi*

- Sesiapa yang menjamu apa sahaja jenis makanan kepada orang yang berpuasa, maka dia memperolehi ganjaran pahala sebagaimana orang yang berpuasa.
- Namun, menjamu juadah yang mengenyangkan untuk berbuka puasa adalah lebih afdal dan lebih besar pahalanya.

NI ADA  
MAKANAN SIKIT DR.  
BUAT JUADAH BERBUKA  
DENGAN KAWAN KAWAN

TERIMA KASIH  
BANYAK PAK MAD,  
SUSAH SUSAH JE



“

Bagi orang yang berpuasa, dia akan memperoleh dua kegembiraan. Pertama, kegembiraan ketika dia berbuka puasa dan kedua kegembiraan ketika dia bertemu Tuhannya. (Riwayat al-Tirmizi)





Ini  
semuanya  
dugaan  
semata

“Andai ini yang terakhir”

# Benarkah syaitan dibelenggu dalam bulan Ramadan?

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*"Apabila tibanya Ramadan, maka dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan."*

*Riwayat al-Bukhari*

- Menurut ulama, syaitan yang dinyatakan dalam hadis di atas merujuk kepada sebahagian sahaja iaitu syaitan jahat dan ganas, manakala selebihnya masih bebas.
- Namun, terdapat pandangan bahawa maksud syaitan dibelenggu adalah menunjukkan keadaan syaitan yang ditahan daripada menggoda umat Islam seperti mana di bulan lain. Hal ini kerana, umat Islam akan sibuk berpuasa dan mengerjakan ibadah sehingga dapat melemahkan nafsu syahwat mereka.





# Hukum meninggalkan puasa Ramadan dengan sengaja

Ibn Umar R.Anhuma meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:  
*“Islam terbina atas lima perkara; syahadah bahawasanya tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, menunaikan haji dan puasa di bulan Ramadhan.”*

*Muttafaq alaih*

- Berpuasa pada bulan Ramadan merupakan salah satu rukun Islam. Ia tidak boleh ditinggalkan tanpa sebarang keuzuran.
- Orang yang sengaja meninggalkan puasa Ramadan adalah berdosa besar dan dia hendaklah menggantikan puasa tersebut sebelum datang bulan Ramadan pada tahun berikutnya.
- Orang yang meninggalkan puasa di dalam bulan Ramadhan dengan apa cara sekalipun selain daripada jimak di siang hari hendaklah menggantikan puasa tersebut sebelum datang Ramadhan pada tahun berikutnya.



# Penghantaran makanan kepada orang yang tidak berpuasa

Allah SWT berfirman:

وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانَ

Maksudnya : *“Dan janganlah kamu saling membantu dalam perkara dosa dan permusuhan”*

Surah Al-Maidah (2)

- Kaedah Fiqh menyebut: **“Membantu ke arah maksiat itu merupakan suatu maksiat.”**
- Hukum memberi makanan kepada orang yang diketahui tidak berpuasa dengan sengaja di bulan Ramadan adalah haram.
- Namun jika orang yang menghantar makanan itu tidak mengetahui sama ada pesanan makanan tersebut dibuat oleh orang yang berpuasa atau tidak, hukumnya adalah harus untuk menghantarnya.

YA ALLAH!  
CIKLIPIKANLAH AKU  
DENGAN YANG HALAL  
DAN JALIHKANLAH AKU  
DARI YANG HARAM




# Hukum tidak berpuasa semasa bermusafir

Aisyah R.Anha meriwayatkan bahawa Hamzah bin Amr al-Aslami bertanya kepada Rasulullah SAW: *"Adakah aku boleh berpuasa ketika musafir? dan beliau (Hamzah bin Amir) seorang yang sering berpuasa. Maka Rasulullah SAW bersabda: Berpuasalah jika engkau mahu berpuasalah dan jika engkau mahu engkau boleh berbuka."*

*Riwayat al-Bukhari*

- Seseorang yang bermusafir itu harus berbuka puasa sekiranya permusafiran itu bertujuan kepada perkara yang harus. Permufafiran tersebut hendaklah dimulakan sebelum terbitnya fajar sadiq.
- Sekiranya seseorang itu telah berpuasa dalam keadaan bermukim, kemudian memulakan musafir setelah terbitnya fajar sadiq, maka haram baginya berbuka kecuali dalam keadaan darurat.
- Lebih afdal untuk terus berpuasa jika permufafiran itu tidak menyusahkan.



# Hukum melakukan kerja berat di bulan Ramadan

- Pekerja yang melakukan kerja berat itu disunatkan bersahur serta wajib berniat puasa.
- Jika pekerjaan tersebut tidak boleh ditinggalkan dan dibimbangi berlaku kemudaratan jika dia terus berpuasa, maka dibolehkan baginya berbuka dan wajib menggantikan puasa tersebut.
- Namun sekiranya meninggalkan pekerjaan itu tidak membawa sebarang kemudharatan, maka dia dikira berdosa kerana berbuka.



# Hukum berbuka puasa bagi orang yang diberi keuzuran

- Orang yang mengalami keuzuran diharuskan untuk berbuka puasa dan dia perlu menggantikannya pada hari lain.
- Antara golongan yang diberi keizinan oleh syarak untuk tidak berpuasa ialah:
  1. Wanita yang berada dalam keadaan haid atau nifas.
  2. Orang sakit yang tidak mampu untuk berpuasa
  3. Musafir dalam perjalanan yang panjang sekurang-kurangnya dua marhalah.



“

Puasa adalah perisai, jika salah seorang dari kamu sedang berpuasa janganlah berkata keji dan berteriak-teriak, jika ada orang yang mencercanya atau memerangnya, maka ucapkanlah, 'Aku sedang berpuasa' (Muttafaq Alaih)



# Izinkan aku untuk bersujud

“Keadaan yang paling dekat seseorang hamba dengan Tuhan-nya adalah ketika dia bersujud.”

# Hukum memilih masjid untuk bersolat tarawih

- Secara asasnya, mendirikan solat di masjid yang berada dalam kawasan tempat kediaman adalah lebih utama.
- Adapun, perbuatan memilih masjid tertentu untuk melaksanakan solat tarawih adalah dibolehkan.





# Pahala solat berjemaah selain di masjid

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
“Solat secara berjemaah lebih baik daripada solat bersendirian sebanyak 27 darjat”

*Riwayat Muslim*

- Solat berjemaah yang didirikan sekurang-sekurangnya seorang imam dan seorang makmum, tetap akan memperoleh pahala berjemaah.
- Solat berjemaah di masjid adalah lebih afdal kerana ia menghasilkan pahala yang lain seperti pahala melangkah ke masjid, iktikaf dan sebagainya.
- Solat berjemaah di masjid adalah lambang penyatuan umat Islam dan memupuk kasih sayang antara jemaah.



# Hukum solat tarawih secara bersendirian

- Solat sunat tarawih boleh dilaksanakan secara bersendirian.
- Jumhur ulamak berpendapat bahawa lebih afdal sekiranya solat tarawih dilakukan secara berjemaah.



# Bolehkah solat tarawih sambil memegang dan melihat mashaf?

- Hukum memegang dan melihat mashaf ketika solat tarawih adalah harus dan tidak membatalkan solat. Bahkan diwajibkan untuk melihat mashaf jika tidak menghafaz surah al-Fatihah.
- Lebih afdal untuk tidak memegang dan melihat mushaf ketika solat tarawih jika tiada keperluan.



# Kadar panjang bacaan imam solat berjemaah

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Apabila setiap seorang daripada kamu menjadi imam dalam solat berjemaah, hendaklah dia meringankan (tidak memanjangkan) solat itu. Sesungguhnya orang yang solat dibelakangnya terdiri daripada orang yang lemah, sakit dan tua. jika solat bersendirian maka solatlah selama mana yang dia mahu”*

*Riwayat al-Bukhari*

- Tidak menjadi kesalahan bagi imam untuk memanjangkan solat. Namun, imam perlu meraikan keadaan makmum yang solat di belakangnya.
- Imam disunatkan memendekkan bacaan al-Quran dan zikir dalam solat tanpa meninggalkan sunat-sunatnya.




# Bolehkah bertarhanum ketika solat?

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*“Bukan dari kalangan kami mereka yang tidak memperindahkan bacaan al-Quran. “Sebahagian yang lain menyebut” menyaringkannya”*

*Riwayat al-Bukhari*

- Memperelokkan suara apabila membaca al-Quran adalah sunat.
- Sekiranya menjadi imam solat, sebaiknya membaca dengan gaya tartil dan mengikut kesesuaian keadaan para makmum. Bacaan Imam juga tidak terlalu panjang.
- Imam perlulah menjaga tajwid dalam bacaannya supaya tidak mengubah makna ayat



# Hukum solat tarawih 4 rakaat dengan 1 salam

Ibn Umar R.Anhuma meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*"Solat malam itu dua rakaat-dua rakaat (satu salam setiap dua rakaat)"*

*Riwayat Muslim*

- Menurut mazhab Syafii, Solat Tarawih yang dilaksanakan dengan 4 rakaat 1 salam adalah tidak sah. Solat tarawih hendaklah dilakukan dengan 2 rakaat 1 salam.



# Bolehkah solat witir didahului satu rakaat kemudian diakhiri dua rakaat?

Ibn Umar R.Ahuma meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*"Solat malam dilakukan sebanyak dua rakaat dua rakaat, apabila kamu khawatir masuknya waktu subuh maka solatlah satu rakaat dan jadikan akhir solat kamu adalah witir."*

*Riwayat al-Bukhari*

- Kalimah witir dari sudut bahasa membawa maksud tunggal (bilangan yang ganjil).
- Solat witir didahului satu rakaat kemudiannya dua rakaat adalah menyelisihi sunnah.
- Solat tersebut perlu diakhiri dengan witir (ganjil) dan bukanlah syafa' (iaitu dua rakaat).



# Bolehkah dilakukan witr satu rakaat sahaja?

Aisyah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*“Solat witr ialah syariat yang dituntut atas setiap orang Islam. Sesiapa hendak melakukannya 5 rakaat lakukanlah, sesiapa yang hendak melakukannya 3 rakaat lakukanlah, dan sesiapa hendak melakukannya 1 rakaat sahaja lakukanlah.”*

*Riwayat Abu Daud*

- Solat witr boleh dilakukan sekurang-kurangnya 1 rakaat (makruh). Solat witr yang sempurna ialah 3 rakaat dengan 2 salam dan yang paling afdal ialah 11 rakaat dengan 6 salam.
- Namu, tidak makruh jika dilakukan hanya sekali-sekala.





# Memburu pahala ibadah pada Lailatul Qadr

Aisyah R.Anha meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*“ Apabila masuknya sepuluh hari terakhir (bulan Ramadhan), Nabi SAW akan mengetatkan ikatan di pinggangnya, menghidupkan malam harinya, dan membangunkan ahli keluarganya (untuk beribadah).”*

*Riwayat al-Bukhari (2024)*

## *“Mengetatkan ikatan pinggang ”*

- Ibn Rajab mengatakan maknanya adalah Baginda mengasingkan dirinya dari isteri-isteri Baginda.

## *“Menghidupkan malam”*

- Ganjaran menghidupkan malam dapat diperoleh dengan seseorang itu melakukan solat Isyak dan Subuh secara berjemaah.

## *“Membangunkan ahli keluarga”*

- Ketika masuknya sepuluh malam terakhir Ramadan, Baginda SAW akan mengejutkan ahli keluarga Baginda untuk bangun beribadah.



# Bolehkah makmum membaca al-Fatihah ketika imam sedang membacanya?

Aisyah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*"Jika imam membaca (al-Fatihah), maka diamlah."*

*Riwayat Muslim*

- Sebaiknya, makmum mula membaca al-Fatihah selepas imam selesai membacanya.
- Sekiranya imam adalah seorang yang cepat bacaan al-Fatihahnya, maka makmum dibolehkan untuk memulakan bacaan ketika imam sedang membacanya bagi mengelakkan tertinggal rukun solat.



# Tidak dapat membaca al-Fatihah dengan baik dalam solat

Allah SWT berfirman:


لَا يَكْفِيكَ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya : “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.”

Surah al-Baqarah (286)

IHDINASSIRAT AL  
MUSTAQIM

- Solat orang yang tidak mampu membaca al-Fatihah dengan baik dalam solat adalah sah dan tidak perlu diulang.
- Namun, wajib untuk dia sentiasa mempelajari dan memperbaiki bacaan surah al-Fatihah dari segi makhraj huruf dan tajwid.



# Hukum memakai pakaian bercorak haiwan ketika solat

Aisyah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
“Aku melihat kepada gambarnya sedang aku dalam solat, maka aku bimbang ia membawa fitnah kepadaku (atau melalaikan aku)”


*Riwayat al-Bukhari*

- Solat dengan memakai pakaian bercorak haiwan adalah sah dan tidak perlu diulangi solat tersebut. Namun, hukum memakainya adalah makruh.



# Hukum solat bagi wanita yang ber*stoking* terlalu nipis

- Kaum wanita wajib menutup bahagian tapak kaki ketika mendirikan solat kerana menutup aurat dengan sempurna merupakan syarat sah solat.
- Tidak sah solat bagi wanita yang memakai *stoking* yang terlalu nipis sehingga boleh menampakkan warna kulit dan solat tersebut perlu diulang semula.



# Penggunaan *hand sanitizer* ketika melakukan solat

- *Hand sanitizer* adalah tidak najis dan boleh digunakan ketika hendak solat.



# Hukum solat dalam keadaan menahan diri daripada kencing dan membuang air besar

Abu Umamah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
“Rasulullah SAW melarang seseorang mengerjakan solat dalam keadaan menahan kencing dan membuang air besar (haqin)”

*Riwayat Abu Daud*

- Seseorang yang mengerjakan solat dalam keadaan menahan kencing dan membuang air besar, hukumnya sah tetapi makruh.
- Disunatkan seseorang itu menyelesaikan urusan atau hajatnya terlebih dahulu supaya solat boleh dikerjakan dalam keadaan khusyuk.



ADLIH!  
MASA NI  
LA PULAK  
DIA NAK  
KELUAR

# Hukum solat memakai *singlet* tanpa lengan

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Janganlah salah seorang dari kamu solat dengan pakaian yang satu, yang mana tidak ada sesuatu di atas dua bahunya.”*

*Riwayat al-Bukhari*

- Lelaki yang mendirikan solat dengan mendedahkan kedua-dua bahu seperti memakai singlet atau tidak memakai baju, hukumnya adalah sah tetapi makruh.





# Hukum sendawa di dalam solat

**Ibn Umar R.Anhuma**  
meriwayatkan beliau berkata:  
*Seorang lelaki sendawa di sisi*  
*Rasulullah SAW, lalu Baginda*  
*bersabda: “Jauhilah sendawa kamu*  
*dari kami kerana sesungguhnya*  
*mereka yang paling banyak*  
*kenyangnya di dunia adalah mereka*  
*yang paling lapar pada hari kiamat.”*

*Riwayat Muslim*

- Perbuatan sendawa tidak termasuk dalam perkara yang membatalkan solat.
- Namun ia adalah satu perbuatan yang kurang adab di dalam solat. Bahkan boleh membawa kepada hukum makruh sekiranya menghasilkan bau-bauan yang mengganggu para jemaah.




# Perluakah mengikut imam sujud sahwi?

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*“Sesungguhnya dijadikan imam untuk diikuti.”*

*Riwayat al-Bukhari*

- Sebagai contoh, imam terlupa membaca doa qunut sedangkan makmum tidak terlupa dan sempat membaca doa qunut walaupun ringkas. Kemudian di akhir solat, imam sujud sahwi kerana tidak membaca qunut, maka makmum mesti sujud bersama imam.



# Adakah hidung termasuk dalam anggota sujud?

Ibn Abbas RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*“Aku diperintahkan untuk sujud dengan tujuh anggota iaitu dahi - sambil Baginda menunjukkan tangannya ke bahagian hidung -, dua tangan, dua lutut dan hujung kedua-dua telapak kaki”*

*Riwayat Al-Bukhari*

- Menurut mazhab Syafi'i, wajib sujud dengan dahi tanpa dihalang oleh sesuatu yang bersambung dengan badannya dan bergerak dengan pergerakannya seperti ekor serban.
- Manakala meletakkan hidung ketika sujud adalah sunat.



# Solat dalam keadaan mengantuk

Anas bin Malik RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*“Jika salah seorang di antara kamu mengantuk ketika solat, hendaklah dia tidur sehingga dia mengetahui apa yang dibaca”*

*Riwayat al-Bukhari*

- Jika seseorang mengantuk hingga tidak sedar apa yang dituturkan ketika solat, hendaklah dia berhenti untuk tidur sebentar atau melakukan perkara yang akan meredakan rasa mengantuk.
- Namun, jika rasa mengantuk itu tidak menjejaskan kesedaran, hendaklah dia meneruskan solat.




Zakat itu  
sedekah  
yang wajib

"Jangan lupa bayar zakat fitrah"

# Hukum zakat fitrah bagi anak yang hilang

- Kewajipan zakat fitrah bagi anak yang hilang bergantung kepada status anak tersebut sama ada masih hidup atau telah mati.
- Jika anak yang hilang itu diketahui masih hidup atau diragui status hidupnya, maka hukum zakat fitrah wajib dibayar oleh wali atau sesiapa yang menanggung nafkah bagi anak tersebut.
- Namun sekiranya diketahui dengan yakin bahawa anak tersebut telah mati, maka gugur kewajipan zakat fitrah ke atasnya.



INSYA ALLAH,  
ALLAH PERMULDAHKAN  
LURUSAN MENCARI

MASUK HARI NI,  
DAH 3 HARI  
ADIK HILANG

# Bolehkah membayar zakat fitrah secara dalam talian?

Abdullah bin Umar R.Anhuma meriwayatkan bahawa:

*Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah pada bulan Ramadhan ke atas manusia, satu sa' (unit ukuran berat) daripada kurma, atau satu sa' daripada gandum ke atas setiap orang yang merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan daripada kalangan orang Islam.*

*Rwayat Abu Daud*

- **Boleh membayar zakat secara dalam talian.**

Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke 116/2019 (01 April 2019)

- **Pembayaran zakat tidak disyaratkan padanya akad ijab dan kabul. Syarat sah pemberian zakat adalah berniat, hak pemilikan harta serta penyerahan dan penerimaan barang.**
- **Sah pembayaran zakat fitrah secara dalam talian (*online*) kerana akadnya mempunyai gambaran akad secara tulisan yang dipersetujui para ulama tentang keabsahannya.**



# Hukum zakat fitrah bagi pelajar perempuan di luar negara

- Pelajar perempuan yang berada di luar negara wajib membayar sendiri zakat fitrah bagi dirinya mengikut kadar setempat jika berkemampuan. Namun, jika bapanya mahu membayarkan bagi pihaknya, maka hukumnya harus dan sah dengan keizinan pelajar tersebut.
- Sebaiknya pelajar perempuan itu berhubung dengan persatuan pelajar Malaysia untuk bertanya tentang kebiasaan yang dilakukan di sana. Cara ini lebih mudah bagi mengetahui saluran yang betul dan cara membayarnya.

SAYA TAK DAPAT  
BIASISWA  
JADI AYAH  
YANG TOLONG  
BAYARKAN

AWAK DAH  
SELESAI KE  
BAYAR ZAKAT  
FITRAH



# Adakah bayi dalam kandungan dikenakan zakat fitrah?

Ibn Umar R.Anhuma meriwayatkan bahawa beliau berkata:

*"Rasulullah SAW mewajibkan untuk memberi zakat fitrah. Kadarnya ialah segantang kurma atau gandum. Ia diwajibkan ke atas setiap hamba, orang yang merdeka, kanak-kanak mahupun dewasa."*

*Muttafaq 'Alaih*

- Bayi yang berada dalam kandungan tidak dikira sebagai kanak-kanak. Oleh itu, bayi dalam kandungan tidak termasuk dalam mafhum hadis di atas.
- Zakat fitrah tidak diwajibkan ke atas bayi yang berada di dalam kandungan. Begitu juga tidak wajib bagi bapanya untuk membayar zakat fitrah bagi pihak bayi tersebut.



# Bolehkah amil mengambil duit lebih zakat?

- **Pembayaran upah amil Zakat Fitrah di Wilayah Persekutuan diberi pada nisbah 1/12 dengan alasan secara umumnya antara tugas Ketua Amil dan Amil adalah hanya menjalankan tugas mengutip Zakat Fitrah dan yang berkaitan sahaja manakala urusan pengagihannya adalah dijalankan oleh Majlis.**

Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak  
Wilayah-Wilayah Persekutuan Kali Ke-65, pada 19 Disember  
2005M bersamaan 18 Zulkaedah 1426H

- **Para amil tidak berhak menuntut lebih daripada kadar upah yang telah ditetapkan oleh pihak yang melantiknya.**
- **Hukum amil mengambil duit lebih zakat yang dibayar umat Islam adalah haram.**



Hari ini  
hari  
kemenangan

*"Semoga dipertemukan kembali"*


# Hukum memberikan duit raya

- Konsep memberi duit raya kepada ibu bapa, kaum kerabat serta kanak-kanak adalah menepati perbuatan sedekah dalam Islam. Amalan soleh ini menghasilkan tiga bentuk pahala iaitu pahala berbuat baik kepada kedua ibu bapa, pahala mengeratkan silaturrahim dan pahala bersedekah.
- Pemberian duit raya bertepatan dengan usaha menzahirkan syiar Islam menerusi kegembiraan memberi dan menerima sedekah, mengeratkan silaturrahim dan budaya kunjung-mengunjung.
- Pemberian duit raya yang diberikan tidaklah dilakukan secara *takalluf* (memaksa diri). Namun mengikut kemampuan.



# Adakah sambut hari raya sebulan itu dibolehkan?

- Aidilfitri merupakan hari bergembira seluruh umat Islam. Amalan ziarah menziarahi, menjamu makan, bermaaf-maafan dan bertukar-tukar hadiah sepanjang bulan Syawal adalah harus hukumnya.
- Ia sekadar suatu tradisi yang diamalkan demi mengambil keberkatan bulan Syawal yang mulia.



# Adab menziarahi rumah orang lain

Abu Shuraih Al-Ka'bi RA meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

*"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka muliakanlah tetamunya. Memberi hidangan adalah selama sehari dan semalam. Layanan terhadap tetamu adalah selama tiga hari. Yang lebih daripada itu ialah sedekah. Tidak boleh bagi tetamu itu untuk duduk lama sehingga tuan rumah memintanya keluar."*

*Riwayat al-Bukhari*

- Melayan dan menyambut tetamu merupakan akhlak yang mulia. Namun tuan rumah juga mempunyai hak untuk menghadkan waktu berziarah ke rumahnya.
- Antara adab menziarahi rumah orang lain ialah:
  - Makan dengan segera jika dihidangkan.
  - Tidak meminta-minta hidangan.
  - Maklumkan kepada tuan rumah sebelum bertandang.
  - Tidak menyakiti atau menyusahkan tuan rumah.
  - Mendoakan kebaikan buat tuan rumah.
  - Tidak duduk dan singgah terlalu lama.
  - Pilih waktu yang sesuai.

TERIMA KASIH  
BANYAK DATANG  
JALIH-JALIH  
ZIARAH AKU



# Hukum menziarahi kubur pada hari raya

- Hukum asal bagi menziarahi kubur adalah sunat, kerana ia boleh mengingatkan seseorang tentang hari akhirat.
- Hukum menziarahi kubur pada hari raya adalah harus kerana tidak ada perintah dan larangan secara khusus. Hal ini berdasarkan pendapat umum berkenaan dengan perintah ziarah kubur.
- Sekiranya dibimbangi berlaku perbuatan seperti meratap, meraung dan seumpamanya, maka perkara sebegini adalah dilarang.



# Hukum solat Jumaat jika hari raya jatuh pada hari Jumaat

- Jumhur ulama berpendapat bahawa solat Jumaat tetap wajib didirikan sekalipun telah dilakukan solat sunat Hari Raya. Ini kerana solat Jumaat asalnya adalah wajib.
- Khatib yang bertugas pula disarankan untuk meringkaskan khutbah Jumaat dengan meraikan segala rukun. Ini juga menandakan kefaqihan seseorang imam.





# Hukum bermain mercun

Allah SWT berfirman:

*“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”*

*Surah al-Baqarah (195)*

- Hukum bermain mercun adalah haram dan wajib di jauhi oleh umat Islam lebih-lebih lagi yang bersifat membahayakan.
- Antara faktor pengharaman mercun adalah amat berbahaya, memberi mudarat kepada orang lain, pembaziran, tidak menghormati jiran, pencemaran bunyi dan melanggar undang-undang pemerintah.



# Cara menegur saudara-mara berkenaan aurat

Abu Said al-Khudri RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Barangsiapa di antara kalian melihat kemungkaran maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya, jika dia tidak mampu maka dengan lisannya, jika dia tidak mampu maka dengan hatinya dan itu adalah selemah –lemah iman.”*

*Riwayat Muslim*

Antara cara menegur yang boleh dipraktikkan ialah:

- Sampaikan pesan kepada ahli keluarga yang paling berpengaruh seperti bapa.
- Menghantar tazkirah berkaitan aurat di dalam group whatsApp keluarga dan saudara-mara.
- Berbual sesama saudara-mara berkaitan kewajipan menutup aurat.
- Menghadihkan pakaian menutup aurat kepada saudara-mara yang tidak menutup aurat.



# Adakah puasa 6 hari di bulan Syawal perlu dilakukan berturutan?

Abu Ayub al-Ansari RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadan kemudian diikuti dengan enam hari di bulan Syawal, ia bersamaan dengan berpuasa sepanjang tahun.”*

*Riwayat Muslim*

- Para ulama berpendapat bahawa puasa 6 hari di bulan syawal boleh dilakukan sama ada secara berturutan ataupun tidak, selagi mana masih dalam bulan Syawal.





“

Sesiapa yang menghidupkan dua malam hari raya (aidiladha dan aidilfitri) kerana mengharapkan ganjaran kerana Allah. Maka hatinya tidak akan mati pada hari di mana matinya hati-hati (manusia).”  
(Riwayat Ibn Majah)

Kalau dah  
tinggal,  
kenalah ganti

*"Kau terimalah segala amalanku"*

# Lafaz niat puasa ganti

Hafsah RA meriwayatkan bahawa Nab SAW bersabda:  
“Sesiapa yang tidak berniat untuk berpuasa di malam hari,  
maka tidak sah puasanya”

Riwayat al-Nasaie (2334)

## LAFAZ NIAT

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ قَضَاءِ فَرْضٍ رَمَضَانَ لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja aku berpuasa esok hari bagi menggantikan fardu  
puasa bulan Ramadan kerana Allah SWT*

- Syarat niat bagi puasa ganti adalah sama dengan puasa wajib iaitu berniat di malam hari, sebelum terbit fajar keesokan harinya.
- Hukum niat adalah wajib, adapun melafazkan niat adalah sunat.



JOM NIAT  
SAMA-SAMA




# Hukum berpuasa qada pada hari syak

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Janganlah kamu mendahulukan puasa Ramadan dengan berpuasa sehari atau dua hari (sebelumnya) melainkan seseorang yang berpuasa lalu hari tersebut jatuh pada hari dia berpuasa, maka dia boleh berpuasa pada hari tersebut.”*

*Riwayat Abu Daud*

- Yang dimaksudkan Hari Syak adalah hari yang ke- 30 dari bulan Syaaban. Hukum berpuasa qada pada hari syak adalah sah dan dibolehkan.
- Begitu juga bagi mereka yang melazimi puasa sunat, maka diharuskan berpuasa pada hari tersebut.




# Bolehkah membatalkan puasa ganti Ramadan?

Ummu Hani' RA meriwayatkan beliau bertanya:

*“Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah berbuka sedangkan aku berpuasa”. Maka Rasulullah SAW berkata kepadanya: “Adakah kamu sedang mengqadhakan sesuatu (puasa)”. Beliau berkata: “Tidak”. Sabda Rasulullah SAW: “Maka tidak memudaratkan kamu (tidak berdosa) sekiranya ia puasa sunat”*

*Rwayat Abu Daud*

- Puasa ganti Ramadan merupakan fardu ain ke atas mereka yang meninggalkannya. Oleh itu membatalkannya dengan sengaja adalah haram.
- Wajib menyempurnakan puasa ganti Ramadan melainkan terdapat uzur yang disyariatkan seperti sakit, haid, atau bermusafir.






# Puasa dan fidyah si mati yang telah melangkaui tahun

Aisyah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

*“Siapa yang mati dan padanya terdapat puasa yang belum digantikan, maka walinya berpuasa bagi pihak (si mati).”*

*Riwayat al-Bukhari*

- **Harus bagi waris si mati untuk menggantikan baki puasa yang telah ditinggalkan oleh si mati. Namun, wajib dikenakan fidyah bagi setiap hari puasa yang ditinggalkan kerana telah melewati qada puasa.**
- **Fidyah tersebut hendaklah diambil daripada harta pusaka si mati. Namun, sekiranya si mati tidak meninggalkan harta pusaka, diharuskan wali si mati untuk mengeluarkan hartanya sendiri bagi melepaskan si mati daripada tanggungan tersebut.**



# Adakah perlu ganti puasa kerana was-was

Kaedah fiqh menyebut :

*Keyakinan tidak dihilangkan dengan syak (keraguan)*

- Jika was-was terhadap puasa yang telah dilakukan pada Ramadan yang lepas, sama ada sah atau tidak, puasa tersebut dikira sah dan tidak perlu diganti kecuali terdapat bukti yang yakin bahawa puasanya telah terbatal.
- Jauhilah sifat was-was dan ragu-ragu kerana ia adalah hasil daripada bisikan syaitan yang akhirnya menyebabkan kepayahan dan kehidupan seharian menjadi rumit.

AKU BUAT  
SWAB TEST  
TAHLIN LEPAS.  
TIME PUASA  
KE EHP?



# Perluah isteri mendapat keizinan suami untuk qada puasa?

Hamam bin Munabbih RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:  
*"Tidak dibenarkan berpuasa bagi seorang wanita (isteri) sedangkan suaminya berada di sisinya melainkan dengan keizinannya."*

*Riwayat Muslim*

- Seseorang isteri wajib meminta izin suaminya apabila hendak menunaikan puasa ganti sekiranya suami berada di rumah dan tempoh untuk menggantikan puasa tersebut masih panjang.
- Namun begitu, sekiranya suami berada di sisinya namun tempoh untuk menggantikan puasa tersebut adalah singkat, maka harus hukumnya bagi isteri untuk berpuasa ganti tanpa keizinan suami.
- Harus bagi seorang isteri berpuasa ganti tanpa keizinan suami sekiranya suami tidak berada di sisinya.



# Catatan





## **Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan**

Jabatan Perdana Menteri, Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya, Malaysia.

**Tel:** 03-8870 9000

**Faks:** 03-8870 9101 / 03-8870 9102

**E-mel:** [ukk@muftiwp.gov.my](mailto:ukk@muftiwp.gov.my)